



PEPERIKSAAN PERCUBAAN  
NEGERI PERAK

---

PEPERIKSAAN PERNILAIAN BERSAMA  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2008

3756/1

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 1

September

 $1\frac{1}{4}$  jam

Satu jam lima belas minit

---

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawab dengan menghitamkan ruangan yang betul pada kertas jawapan.*
4. *Hitamkan satu ruangan sahaja bagi setiap soalan.*
5. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*
6. *Anda boleh membuat kerja mengira di ruangan kosong pada kertas soalan.*
7. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogram.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 16 halaman bercetak.

- 1 Perniagaan Orkid yang mempunyai aset bukan semasa sebanyak RM12 juta, menganggap bahawa pembelian mesin kira bernilai RM250 tidak memberi kesan kepada perniagaan.

Pernyataan di atas bertepatan dengan konsep

- A ketekalan
- B materialiti
- C kos sejarah
- D entiti berasingan

- 2 Maklumat berikut berkaitan dengan jentera yang dimiliki oleh Ladang Timuran Sendirian Berhad.

Tarikh beli:	1 Julai 2000
Harga kos:	RM60 000
Harga pasaran pada tahun 2008:	RM45 000

Berapakah nilai jentera yang perlu direkod dalam Penyata Kewangan tahun 2008?

- A RM15 000
  - B RM45 000
  - C RM60 000
  - D RM105 000
- 3 Antara yang berikut, pernyataan yang manakah **benar** mengenai aset bukan semasa?
- A Dibeli untuk dijual semula.
  - B Mudah ditukar menjadi tunai
  - C Tempoh penggunaannya melebihi satu tahun
  - D Ianya mengurangkan ekuiti pemilik perniagaan
- 4 Berikut ialah Akaun Perdagangan Kedai Perabot Teguh bagi tahun berakhir 30 Jun 2007.

Akaun Perdagangan Bagi Tahun Berakhir 30 Jun 2007			
	RM		RM
Stok awal	6 980	Jualan	18 650
Belian	11 200	<b>Tambah:</b> Pulangan masuk	860
	18 180		
<b>Tambah:</b> Angkutan keluar	320		
	18 500		
<b>Tolak:</b> Stok akhir	5 120		
	13 380		
Untung kasar	6 130		
	19 510		19 510

Akaun Perdagangan di atas disediakan salah. Hitung untung kasar yang betul.

- A RM1 720
- B RM1 400
- C RM4 410
- D RM4 730

- 5 Berikut ialah Akaun Untung Rugi Kedai Buku Bestari bagi tahun berakhir 31 Julai 2007.

Akaun Untung Rugi Bagi Tahun Berakhir 31 Julai 2007			
	RM		RM
Diskaun diberi	340	Untung kasar	17 400
Kadar bayaran	1 080	Hutang lapuk terpulih	250
Stok alat tulis	60		
Insurans	480		
Untung bersih	15 690		
	<u>17 650</u>		<u>17 650</u>

- Apakah butir yang tersalah rekod didalam Akaun Untung Rugi di atas?
- A Hutang lapuk terpulih  
 B Stok alat tulis  
 C Diskaun diberi  
 D Insurans
- 6 Pada 1 Mac 2008, pemilik Kedai Munirah menjual perabot terpakai secara kredit RM450. Nilai buku perabot itu ialah RM300.  
 Apakah kesan urus niaga itu ke atas ekuiti pemilik?
- A Bertambah RM150  
 B Berkurang RM150  
 C Bertambah RM450  
 D Berkurang RM450
- 7 Dokumen P dihantar oleh pembekal untuk memberitahu pembeli bahawa hutangnya telah dikurangkan.  
 Apakah dokumen P?
- A Memo  
 B Nota debit  
 C Nota kredit  
 D Penyata akaun
- 8 Antara yang berikut, yang manakah dihantar oleh peniaga kepada pembeli?
- I Resit  
 II Nota serahan  
 III Pesanan belian  
 IV Makluman debit
- A I dan II  
 B I dan IV  
 C II dan III  
 D III dan IV

- 9 Antara yang berikut, yang manakah melibatkan penggunaan nota debit?
- A Pembeli terkurang caj
  - B Pembeli memulangkan barang rosak
  - C Pembekal mengurangkan hutang pembeli
  - D Pembekal menerima tunai daripada penghutang
- 10 Maklumat berikut terkandung dalam satu dokumen.

- Serahan
- Syarat pembayaran
- K &K diK

Apakah dokumen tersebut?

- A Baucer
- B Invois
- C Memo
- D Resit

11 Dokumen di bawah diambil daripada buku Perniagaan Bersatu.

<b>ASAL</b>	<b>NK0136</b>															
<p><b>PEMBORONG KELLY</b>            247 Jalan Idris            31600 Bandar Baru, Kampar            Perak            05-4661245</p>																
<p><b>NOTA KREDIT</b></p>																
<p>Tarikh: 18 Mac 2008</p>																
<p>Kepada            Perniagaan Bersatu            23, Jalan Bunga Raya            31700 Malim Nawar            Perak</p>																
<p>Akaun tuan telah dikreditkan seperti berikut:</p>																
<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="width: 20%;">KUANTITI</th> <th style="width: 40%;">BUTIR</th> <th style="width: 20%;">HARGA SEUNIT (RM)</th> <th style="width: 20%;">JUMLAH (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">5 guni</td> <td>Beras Siam A2</td> <td style="text-align: right;">80.00</td> <td style="text-align: right;">400.00</td> </tr> <tr> <td colspan="3" style="text-align: center;">Tolak: Diskaun niaga 20%</td> <td style="text-align: right;">80.00</td> </tr> <tr> <td colspan="3" style="text-align: center;">Jumlah</td> <td style="text-align: right;">320.00</td> </tr> </tbody> </table>	KUANTITI	BUTIR	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)	5 guni	Beras Siam A2	80.00	400.00	Tolak: Diskaun niaga 20%			80.00	Jumlah			320.00
KUANTITI	BUTIR	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)													
5 guni	Beras Siam A2	80.00	400.00													
Tolak: Diskaun niaga 20%			80.00													
Jumlah			320.00													
<p>(Ringgit: Tiga ratus dua puluh sahaja )</p>																
<p>Kelly            .....            Pengurus</p>																

Catatan lejar yang betul dalam buku Perniagaan Bersatu bagi merekod urusan di atas ialah

	Akaun di debit	Akaun dikredit
A	Pulangan masuk	Pemborong Kelly
B	Pemborong Kelly	Pulangan masuk
C	Pulangan keluar	Pemborong Kelly
D	Pemborong Kelly	Pulangan keluar

- 12 Urus niaga berikut diambil daripada buku Pasar Mini Sara.

<b>2008</b>	
Jan 1	Hantar invois berjumlah RM2 400 pada harga senarai, kurang diskaun niaga 10%.
4	Jualan barang niaga RM1 800 dan terima cek.
6	Koperasi Pemuda Taman Ihsan membeli barang niaga berjumlah RM600 secara kredit.
12	Beli stok berjumlah RM450 secara tunai.

Hitung jualan kredit.

- A RM2 610  
 B RM2 760  
 C RM3 000  
 D RM4 560

- 13 Dokumen di bawah diambil daripada buku Perniagaan Kain Sri Chantel.

<b>PERNIAGAAN KAIN SRI CHANTEL</b>		
102 Jalan Besar 31400 IPOH Tel: 05 - 5771508		
Tarikh: 15 Jun 2008		
<b>MEMO</b>		
Kepada: Kerani Akaun		
Daripada: Pengurus		
<table border="1"> <tr> <td>Ambilan kain batik bernilai RM500 untuk didermakan kepada Rumah Warga Emas, Taman Ipoh.</td> </tr> </table>		Ambilan kain batik bernilai RM500 untuk didermakan kepada Rumah Warga Emas, Taman Ipoh.
Ambilan kain batik bernilai RM500 untuk didermakan kepada Rumah Warga Emas, Taman Ipoh.		
Chantel ..... Pengurus		

Nyatakan buku catatan pertama yang sesuai untuk merekod maklumat dari dokumen di atas.

- A Jurnal Am  
 B Buku Tunai  
 C Jurnal Belian  
 D Jurnal Jualan

- 14 Jadual berikut berkaitan dengan Lejar Am dan Lejar Subsidiari sebuah perniagaan.

	Lejar Am	Lejar Subsidiari
I	Ambilan	Hutang Lapuk
II	Bank	Penghutang
III	Perabot	Pemiutang
IV	Penghutang	Jualan

Pilih pengelasan akaun dalam lejar yang betul.

- A I dan II  
 B I dan IV  
 C II dan III  
 D III dan IV
- 15 Berikut ialah kedudukan baki akaun dalam lajur Imbangan Duga.

	Butir	Lajur
I	Komisen jualan	Debit
II	Ambilan	Kredit
III	Hutang lapuk	Debit
IV	Angkutan masuk	Kredit

Catatan manakah yang betul?

- A I dan III  
 B I dan IV  
 C II dan III  
 D II dan IV
- 16 Antara yang berikut, manakah kesilapan prinsip?
- A Akaun gaji terlebih catat RM200  
 B Ambilan barang bernilai RM130 terlupa direkodkan dalam mana-mana buku  
 C Jualan kepada Kasim RM430 tersalah rekod ke dalam Akaun Karim  
 D Belanja membaiki kenderaan RM600 tersilap debit ke dalam Akaun Kenderaan

- 17 Kesilapan berikut telah dikesan dalam buku perniagaan seorang peniaga.

Jualan kepada Grace RM140 telah tersalah catat ke Akaun Alice

Catatan yang manakah membetulkan kesilapan di atas?

A Jurnal Am

Butiran	Debit RM	Kredit RM
Alice	140	
Grace		140

B Jurnal Am

Butiran	Debit RM	Kredit RM
Grace	140	
Alice		140

C Jurnal Am

Butiran	Debit RM	Kredit RM
Alice	140	
Jualan		140

D Jurnal Am

Butiran	Debit RM	Kredit RM
Grace	140	
Jualan		140

- 18 Maklumat berikut diperolehi daripada buku seorang peniaga pada 31 Disember 2007.

2007		RM
Jan 1	Bil elektrik bulan Disember 2006 yang belum dibayar	450
Dis 31	Bil elektrik bulan Disember 2007 yang belum dijelaskan	560

Sepanjang tahun 2007, jumlah bayaran bagi elektrik berjumlah RM5 490. Hitung jumlah belanja elektrik yang direkod dalam Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2007.

- A RM4 480  
 B RM5 490  
 C RM5 600  
 D RM5 940



19 Data berikut diambil daripada Imbangan Duga Perniagaan Siva pada 30 Jun 2008.

	Debit RM	Kredit RM
Penghutang	16 000	
Hutang lapuk	500	
Peruntukan hutang ragu		230

Peruntukan hutang ragu diselaraskan pada kadar 5 % atas penghutang.  
Kunci Kira-kira yang manakah betul bagi merekodkan nilai penghutang pada 30 Jun 2008?

A

**Kunci Kira-kira pada 30 Jun 2008**

	RM
<b>Aset Semasa</b>	
Penghutang	16 000
- Peruntukan hutang ragu	230
	15 770

B

**Kunci Kira-kira pada 30 Jun 2008**

	RM
<b>Aset Semasa</b>	
Penghutang	16 000
- Peruntukan hutang ragu	730
	15 270

C

**Kunci Kira-kira pada 30 Jun 2008**

	RM
<b>Aset Semasa</b>	
Penghutang	16 000
- Peruntukan hutang ragu	800
	15 200

D

**Kunci Kira-kira pada 30 Jun 2008**

	RM
<b>Aset Semasa</b>	
Penghutang	16 000
- Peruntukan hutang ragu	1 030
	14 970

20. Pada 31 Disember 2007, Perniagaan Bonnie menjual sebuah mesin yang telah digunakan selama 5 tahun pada harga RM 24 000. Kos asal mesin itu ialah RM45 000.  
Pilih Akaun Mesin yang betul bagi merekodkan urus niaga tersebut.

A

Akaun Mesin						
2007			RM	2007		RM
Jan 1	Baki b/b		24 000	Dis 31	Pelupusan	24 000

B

Akaun Mesin						
2007			RM	2007		RM
Jan 1	Pelupusan		24 000	Dis 31	Baki b/b	24 000

C

Akaun Mesin						
2007			RM	2007		RM
Jan 1	Baki b/b		45 000	Dis 31	Pelupusan	45 000

D

Akaun Mesin						
2007			RM	2007		RM
Jan 1	Pelupusan		45 000	Dis 31	Baki b/b	45 000

21. Akaun-akaun berikut diambil daripada buku seorang peniaga.

Akaun Perabot						
2007			RM			
Jan 1	Baki b/b		12 400			

  

Akaun Peruntukan Susut Nilai Perabot					
			2007		RM
			Jan 1	Baki b/b	1 240

Pada 31 Disember 2007, perabot disusutnilaikan 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.

Hitung susut nilai perabot bagi tahun 2007.

- A RM1 116  
B RM1 240  
C RM1 364  
D RM2 480

- 22 Antara yang berikut, yang manakah ditunjukkan sebagai liabiliti semasa dalam Kunci Kira-kira?

- I Sewa dibayar terakru
- II Sewa diterima terakru
- III Sewa dibayar terdahulu
- IV Sewa diterima terdahulu

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 23 Data berikut adalah anggaran penerimaan tunai dan pembayaran tunai seorang peniaga bagi bulan Mac 2008.

	<b>RM</b>
Jualan tunai	25 800
Bayaran pemiutang	11 400
Kutipan tunai daripada penghutang	6 000
Gaji pekerja	400
Kadar bayaran	220
Sewa kedai	300
Hasil komisen	500

Hitung lebihan tunai peniaga tersebut pada bulan Mac 2008.

- A RM19 980
  - B RM24 880
  - C RM25 280
  - D RM25 900
- 24 Pada 31 Mei 2008, Buku Tunai Perniagaan Seng menunjukkan baki kredit RM4 920. Baki ini berbeza dengan Penyata Bank pada tarikh yang sama disebabkan oleh perkara-perkara berikut

	<b>RM</b>
Cek belum dikemukakan	2250
Deposit belum dikreditkan	1130

Hitung baki penyata bank pada 31 Mei 2008.

- A RM1 540
- B RM3 790
- C RM3 800
- D RM6 040

- 25 Data dibawah berkaitan dengan butir-butir Akaun Semasa Pekongsi Razlan.

2007		RM
Jan 1	Baki b/b	2 360
Dis 31	Ambilan	1 600
	Gaji belum bayar	2 000
	Kongsi untung	9 935
	Faedah atas modal	1 500

Hitung baki Akaun Semasa Pekongsi Razlan pada 31 Disember 2007.

- A RM9 435  
 B RM5 860  
 C RM11 835  
 D RM14 195
- 26 Setiap ambilan pekongsi dikenakan faedah bertujuan  
 A Menghadkan ambilan berlebihan  
 B Meningkatkan pendapatan perkongsian  
 C Memastikan tidak berlaku kurangan modal  
 D Mengekalkan baki kredit Akaun Semasa pekongsi
- 27 Antara yang berikut, yang manakah butir yang dicatat dalam Akaun Realisasi ketika proses pembubaran perkongsian?  
 I Stok  
 II Pemiutang  
 III Lengkapan  
 IV Belanja realisasi  
 A I, II dan III  
 B I, II dan IV  
 C I, III dan IV  
 D II, III dan IV
- 28 Apabila syarikat menerima cek daripada terbitan saham biasa, akaun yang dikredit ialah  
 A Akaun Bank  
 B Akaun Dividen  
 C Akaun Permohonan  
 D Akaun Saham Biasa

- 29 Pada 1 Mac 2008, Syarikat Kekwa Berhad menerbitkan 500 000 saham biasa berharga RM 1 sesaham. Semua saham yang diterbitkan telah dibayar penuh semasa permohonan.  
Pilih Akaun Permohonan yang betul untuk merekod terbitan saham diatas.

A

Akaun Permohonan				
2008		RM	2008	RM
Mac 1	Bank	500 000		

B

Akaun Permohonan				
2008		RM	2008	RM
Mac 1	Modal Saham Biasa	500 000		

C

Akaun Permohonan					
2008		RM	2008	RM	
Mac 1	Bank	500 000	Mac 1	Modal Saham Biasa	500 000

D

Akaun Permohonan				
2008		RM	2008	RM
Mac 1	Modal Saham Biasa	500 000	Bank	500 000

- 30 Berikut ialah petikan Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan Kelab Pencinta Alam

Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Mac 2008			
	RM		RM
Insurans	1 200	Yuran	12 345
Kadar bayaran	850	P	
Alat tulis	120		

Apakah P?

- A Honorarium  
B Yuran pertandingan  
C Lebihan pendapatan  
D Derma untuk membina kolam renang

- 31 Antara yang berikut, yang manakah perbelanjaan hasil bagi sesebuah kelab?
- I Susut nilai perabot
  - II Kursus dan motivasi
  - III Surat khabar dan majalah
  - IV Belanja memperbesarkan rumah kelab
- A I, II dan III
  - B I, II dan IV
  - C I, III dan IV
  - D II, III dan IV
- 32 Rekod tak lengkap berlaku dalam keadaan
- I Imbangan Duga tidak seimbang
  - II Rekod perniagaan musnah terbakar
  - III Buku catatan pertama tidak digunakan
  - IV Catatan perniagaan mengikut sistem catatan bergu
- A I dan II
  - B II dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 33 Data berikut diambil daripada buku seorang peniaga runcit yang mengamalkan rekod tak lengkap.

	RM
Modal awal	12 500
Modal akhir	18 300
Ambilan	X
Untung bersih	8 400

Hitung nilai X.

- A RM2 600
  - B RM4 100
  - C RM5 800
  - D RM9 900
- 34 Analisis akaun penghutang memberi maklumat berikut **kecuali**
- A Hutang lapuk
  - B Jualan Kredit
  - C Pulangan masuk
  - D Peruntukan hutang ragu

35 Antara yang berikut, yang manakah **bukan** kos berubah bagi sebuah firma pengeluaran?

- I Bahan langsung
- II Upah pekerja kilang
- III Belanja alat-alat kecil
- IV Susutnilai mesin kilang

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

36 Data berikut diambil daripada sebuah firma pengeluaran.

	RM
Kos bahan mentah yang digunakan	13 480
Kos overhead	4 560
Buruh langsung	5 000
Belanja langsung	1 000
Stok awal bahan mentah	2 900
Stok akhir bahan mentah	3 100

Hitung kos prima.

- A RM18 480
- B RM19 480
- C RM24 040
- D RM23 840

37 Rumus yang tepat untuk mengira modal kerja ialah

- A Hasil – Belanja
- B Aset – Liabiliti
- C Modal Awal – Modal Akhir
- D Aset Semasa – Liabiliti Semasa

- 38 Maklumat berikut diambil daripada buku seorang pemborong.

	<b>RM</b>
Modal pada 1 Januari 2007	65 000
Stok pada 1 Januari 2007	5 040
Stok pada 31 Disember 2007	5 280
Penghutang	15 480
Jualan	74 850
Belian	20 430
Angkutan masuk	450

Hitung kadar pusing ganti stok.

- A 2 kali  
 B 3 kali  
 C 4 kali  
 D 5 kali
39. Maklumat berikut dipetik daripada buku Kedai Runcit Mei Theng pada 31 Disember 2007.

	<b>RM</b>
Belanja perniagaan	3 400
Bank	4 125
Stok pada 31 Disember 2007	4 950
Penghutang	3 300
Modal pada 1 Januari 2007	27 500
Untung kasar bagi tahun 2007	8 900

Hitung pulangan atas modal.

- A 12%  
 B 15%  
 C 18%  
 D 20%
- 40 Cik Suria menyediakan belanjawan tunai dengan menggunakan Lembaran Hampan Elektronik (LHE).  
 Apakah arahan yang digunakan oleh beliau untuk menghitamkan lajur-lajur dalam belanjawan tunai tersebut?
- A "Merge"  
 B "Paste"  
 C "Insert"  
 D "Border"

**KERTAS SOALAN TAMAT**